

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

**YFP 323 – Penerbitan Televisyen II**

Masa: 2 jam

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak.

Jawab **DUA (2)** soalan. Soalan **SATU (1)** adalah wajib.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 50 markah.

1. Anda telah diberi tugas untuk menerbitkan sebuah rancangan bual bicara berjangka masa 30 minit yang akan disiarkan secara langsung dari studio tempat anda bertugas. Dengan memilih tema, konsep dan tajuk rancangan anda sendiri, sediakan perkara-perkara berikut dengan memberi butiran yang jelas dan mengikut format yang betul.
  - (i) proposal rancangan yang lengkap.
  - (ii) aturan perjalanan penerbitan (production running order) untuk rancangan yang akan diterbitkan.
  
2. Setiap rancangan televisyen perlu mempunyai nilai-nilai komersial untuk menarik penajaan. Dengan memberi contoh-contoh yang sesuai daripada rancangan televisyen yang diterbitkan di Malaysia, sejauh manakah anda berpendapat bahawa penekanan terhadap nilai-nilai komersial memberi kesan negatif terhadap mutu sesebuah rancangan televisyen?
  
3. Temuramah mempunyai kesan yang tersendiri dalam sesebuah rancangan televisyen. Huraikan peranan temuramah dalam sesebuah rancangan televisyen dan apakah masalah-masalah yang biasa dihadapi semasa mengendalikan temuramah.
  
4. Huraikan maksud kontinuiti dan jenis-jenisnya dalam suatu penerbitan televisyen. Berdasarkan contoh-contoh daripada penerbitan anda dalam kursus ini, terangkan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengekalkan kontinuiti.